

## **Konflik Remaja – Ibu bapa**

Azizi bin Hj Yahaya

Dunia sosialisasi remaja bertambah luas daripada institusi keluarga kepada sekolah dan masyarakat. Pada peringkat awal, remaja memfokuskan kepada perhubungan interpersonal dengan ibu bapa dan adik beradiknya namun semakin membesar mereka akan mengubah pergantungan (*attachment*) keluarga menuju kepada dunia luar yang terdiri daripada komponen rakan sebaya, guru-guru dan ahli masyarakat lain. Dalam usaha remaja memperoleh identiti diri, sebahagian kecil remaja mengalami masalah interpersonal yang hebat dengan ibu bapa mereka. Konflik di antara remaja dan ibu bapa wujud dalam pelbagai bentuk. Konflik ini berbentuk konflik peribadi, sosial, aktiviti di rumah atau di sekolah, disiplin dan sebagainya.